

SATU KAJIAN MENGENAI SOSIO-EKONOMI  
PENDUDUK KAMPUNG MENTERI

ABDUL KARIM E. AZIDIN  
ABDUL SEUKOR E. SHAMSUDIN  
SANI DRILLON B. F. SALIM  
NORHANITA BT. MOHD. SAAD  
NORAIDAL BT. KARIM

KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDAG-UNDANG  
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERAK  
SESI 1 1987/88

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga ingin kami rakamkan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan kepada kami samada secara langsung atau secara tidak langsung sehingga kertas projek ini dapat disempurnakan.

Ucapan terima kasih dan penghargaan ini kami tujukan kepada:

1. Encik Nasrudin b. Mohamad  
Penyelia kertas projek.
2. Encik Mohd Fauzi b. Harun  
Ketua kursus Dip. Pentadbiran Awam  
ITM Cawangan Perak.
3. Encik Yaakob b. Tone  
Penghulu Matang.
4. Encik Lathifi b. Hashim  
Penghulu Muda Matang.
5. Encik Abdul Hamid b. Osman  
Ketua kampung Menteri.
6. Encik Nawawi b. Abdul Aziz  
Pengerusi Persatuan Nelayan  
Kawasan Matang.
7. Encik Teoh Lai Teong  
Pegawai perikanan  
Daerah Larut Matang.
8. Encik Fadzil b. Ahmad  
Penolong pegawai daerah.
9. Encik Clement Mathews  
Pembantu pegawai kebajikan masyarakat.

## SINOPSIS

Sesungguhnya penulisan kertas projek atau 'project paper' ini adalah merupakan suatu penyelidikan yang mesti dibuat oleh semua penuntut-penuntut Diploma Pentadbiran Awam tahun akhir di mana ianya juga adalah merupakan salah satu daripada syarat untuk penganugerahan diploma.

Di dalam kertas projek ini kami akan cuba membicarakan tentang keadaan atau corak kehidupan masyarakat nelayan iaitu penduduk kampung Menteri yang terletak di dalam mukim Jebong, Matang.

Kajian ini meliputi berbagai aspek dan ianya dibahagikan kepada 6 bahagian. Bahagian pertama adalah mengenai pengenalan umum, serba sedikit mengenai kegiatan perikanan di Malaysia.

Bahagian kedua pula adalah mengenai keadaan kampung Menteri, di mana kami akan membicarakan latarbelakang kampung, kedudukan serta keluasan kampung dan juga mengenai jumlah penduduk.

Bahagian ketiga berkaitan tentang keadaan sosio-ekonomi kampung yang kami kaji, termasuklah keadaan infrastruktur, taraf kehidupan dan kegiatan ekonomi yang dijalankan. Bahagian ini adalah merupakan bahagian yang terpenting kerana ianya merupakan tajuk perbincangan bagi kertas projek kami.

KANDUNGAN

	Halaman
Sekapur sirih	i
Penghargaan	ii
Sinopsis	iv
Senarai jadual	
Sebab-sebab tajuk dipilih	1
Sebab-sebab tempat dipilih	2
Andaian-andaian	3
Methodologi	4
Masalah-masalah yang dihadapi	6
BAHAGIAN 1: PENGENALAN	7
BAHAGIAN 2: KAMPUNG MENTERI	17
2.0: Latarbelakang kampung Menteri	17
2.1: Kedudukan dan keluasan kampung	20
2.2: Penduduk	22
BAHAGIAN 3: KEADAAN SOSIO-EKONOMI PENDUDUK KAMPUNG MENTERI	24
3.0: Keadaan sosio-ekonomi	24
3.1: Infrastruktur	24
3.2: Taraf kehidupan	29
3.2.1: Pendapatan	29
3.2.2: Sosial	32
3.2.2.1: Pendidikan	33
3.3: Kegiatan ekonomi	36
3.3.1: Perikanan	36
3.3.1.1: Kawasan penangkapan	37

## 1.0 PENGENALAN

Perikanan merupakan suatu industri yang tidak kurang pentingnya di dalam negara ini. Industri ini berupaya menampung keperluan protin yang diperlukan oleh penduduk dengan harga yang agak murah berbanding dengan sumber-sumber protin yang lain seperti daging dan sebagainya. Industri ini membekalkan kira-kira 80% daripada jumlah protin yang diambil oleh penduduk negara ini.

Tidak dapat dinafikan bahawa kawasan perairan bumi yang bertuah ini kaya dengan berbagai jenis hidupan laut khususnya ikan yang bermutu tinggi terutamanya di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) yang tidak terdapat di kawasan-kawasan perairan lain. Perikanan banyak dijalankan di Pantai Timur dan Pantai Barat tanahair.

Di Pantai Timur ikan banyak ditangkap oleh nelayan-nelayan dari Kelantan dan Trengganu. Oleh itu tidaklah menghairankan kedua-dua negeri tersebut terkenal dengan hasil-hasil lautnya yang telah diproses seperti berbagai jenis keropok dan sebagainya. Manakala di Pantai Barat pula perikanan banyak dijalankan di negeri-negeri seperti Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Perlu di ingat, walaupun jumlah nelayan di Pantai Timur lebih ramai daripada jumlah nelayan di Pantai Barat tetapi jumlah pendaratan ikan adalah lebih banyak di Pantai Barat.

Industri perikanan ini juga turut menampung sejumlah besar tenaga buruh di negara ini. Pada tahun 1983 sektor ini telah